

# Ayah curang pada ibu

## Remaja benci bapa selepas tembelang SMS mesra dengan perempuan lain terbongkar

### KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon  
rencana@hmetro.com.my

**?** Saya remaja berusia belasan tahun dalam dilema bagi mencari jawapan mengenai sikap ayah yang berubah sejak kebelakangan ini.

Saya dapati, setiap malam ayah akan menghantar mesej melalui telefon bimbitnya. Mulanya saya percaya ayah melakukannya atas dasar kerja, namun akhirnya saya dapati ia adalah mesej kepada perempuan lain.

Saya cukup terkejut dan rasa tergamam melihat kandungan mesej itu yang jelas sangat mesra. Rasa sakit hati lebih memuncak kerana tahu ayah curang pada ibu.

Kerana itu saya mula membenci ayah dan merasakan semua lelaki begitu. Ayah seorang pemimpin dan sepatutnya menunjukkan contoh yang baik.

Ibu saya seorang guru dan dia sangat baik serta lemah lembut. Dia melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di sebuah institusi pengajian tinggi awam.

Saya tahu ibu terbeban dengan segala tanggung-

jawab, tapi pada masa sama tidak sanggup ayah terus membohongi ibu.

Malah, saya takut menerima kemungkinan ayah akan berkahwin lagi. Ayah memang baik tapi bila tembelangnya pecah, saya tidak percaya lagi padanya.

### ANAK BIMBANG, Johor.

**!** Pola keluarga yang bahagia kini adik lihat terancam akibat tingkah laku ayah yang kerap menghantar mesej melalui telefon bimbitnya. Bentuk ancaman ini memberi kesan kepada adik serta ibu. Se-

boleh-bolehnya adik ingin mengekalkan pola keluarga sedia ada kerana merasa selesa dengannya. Sebagai anak, sememangnya adik akan merasa sedih jika perkahwinan ibu bapa tidak bahagia.

Oleh kerana setiap orang ingin disayangi dan menyayangi, ayah adik menggunakan medium telefon bimbit untuk memenuhi perasaan kasih sayangnya.

Berhubungan melalui telefon kini dilihat antara cara mudah untuk memenuhi keinginan sayang antara dua insan. Ini menerangkan mengapa ayah berhubung mesra dengan wanita lain, iaitu ingin memenuhi kei-

nginan untuk disayangi dan dipunyai.

Sejauh mana seriusnya hubungan mereka masih lagi menjadi tanda tanya kerana apa yang adik ketahui hanya melalui kata-kata sayang antara mereka.

Tindakan ayah tidak melambangkan tingkah laku semua lelaki. Merasa takut kepada satu tingkah laku akan menjerat adik dalam perasaan tidak keruan.

Soal curang berlaku kepada lelaki atau perempuan juga tanpa mengira jawatan sama ada seorang pemimpin atau tidak. Membenci hampir semua lelaki kerana perbuatan ayah yang adik lihat sebagai curang tidak membantu membina emosi dan pemikiran positif.

Sebagai ketua keluarga dan pemimpin, ayah mempunyai ciri-ciri baik seperti suka menolong dan memberi nafkah kepada keluarga. Sama-samalah kita harapkan ciri ini tidak akan berubah.

Apa yang berlaku antara ayah dan ibu adalah urusan rumah tangga mereka. Ibu boleh berbincang dengan ayah mengenai perkara ini agar mereka dapat menyelesaikan masalah berdua. Selalunya, seorang isteri dapat membaca hati dan mengagak tingkah laku curang suaminya.

Sebagai anak, sewajarnya adik inginkan perkahwinan mereka bahagia. Adik boleh mendoakan kebahagiaan perkahwinan mereka dan terus menjalankan tugas adik sebagai anak dengan baik. Tumpukan perhatian adik kepada pelajaran dan sentiasa berdoa akan kebahagiaan perkahwinan ibu dan ayah.



# Ingin tamatkan hidup akibat difitnah

**?** Ini kali kedua saya meminta pandangan. Hidup saya kini tidak bermakna dan sudah tidak terdaya rasanya memikul masalah ini seorang diri.

Semakin hari semakin kerap rasanya perasaan untuk mengakhiri hidup ini datang bertandang. Saya merasa semakin terkejut apabila dipandang hina akibat kesalahan yang tidak saya lakukan.

Hidup saya semakin kacau. Kelas juga semakin kerap ditinggalkan dan semangat saya sudah hilang. Saya tidak ingin rasanya berdepan lagi dengan insan tersayang lantaran tuduhan yang terpaksa digalas.

Dr, bantulah saya mencari jalan keluar sebelum hilang akal yang waras. Saya tidak mahu menjadi penghuni neraka selamanya.

### GADIS TERTEKAN, Perak

**!** DR ucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kesediaan adik untuk berkongsi masalah dengan Dr. Keberanian berkongsi masalah bersifat terapeutik dan jalan kepada pen-

yembuhan.

Jujurnya Dr tidak tahu cerita secara mendalam kisah sedih yang membawa adik merasa hidup amat terkejut. Cuma yang Dr tahu ialah adik dipandang hina akibat kesalahan yang tidak dilakukan. Hidup semakin hari semakin kacau dan semakin kerap meninggalkan kelas. Hilang semangat untuk adik berhadapan dengan insan yang tersayang akibat tuduhan yang terpaksa adik galas.

Dr amat memahami kekacauan dan kesedihan akibat difitnah. Tiada siapa yang dapat menyangkal betapa buruk kesannya apabila difitnah. Secara psikologinya, individu yang difitnah merasa konsep diri rendah dan maruah tercabar. Ini kerana berlaku pandangan atau persepsi negatif terhadap individu tersebut tanpa mengira sesuatu berita itu benar atau palsu.

Fitnah juga menyumbang kepada pemikiran tidak rasional individu yang difitnah. Ini kerana sesuatu berita itu tidak lagi penting dari segi kesahihannya. Apa yang berlaku ialah bagaimana orang melihat be-

rita itu dari sudut pandangannya.

Fitnah berlaku apabila dengan sengaja mengadakan keburukan dan kekurangan orang lain. Fitnah juga menokok tambah keaiban dan kelemahan orang serta memalsukan kebaikan sehingga menjadi keburukan. Bentuk fitnah boleh terjadi dalam bentuk lisan atau tulisan seperti surat layang, khidmat pesanan ringkas (SMS), laman web sosial dan e-mel.

Islam menganggap fitnah satu daripada sifat mazmumah (tercela) dan dilarang Allah seperti dalam firmanNya yang bermaksud: "Fitnah itu lebih bahaya daripada pembunuhan." (Surah al-Baqarah, ayat 191), "Jangan kamu ikuti setiap orang yang banyak bersumpah lagi hina, yang banyak mencela, yang gemar menyebarkan fitnah." (Surah al-Qalam, ayat 29)

Dr empati dengan liku-liku hidup yang adik perlu lalui. Realitinya, kehidupan diibaratkan seperti satu medan peperangan. Setiap perjalanan kehidupan dipenuhi dengan onak berduri. Apa yang pasti, kehidupan memerlukan individu untuk



berdaya tindak terutama dari segi mental dan emosi dengan baik serta mempunyai sifat-sifat berjuang seperti penuh keyakinan, kesabaran kesanggupan, keinginan.

Setiap insan bernyawa mempunyai kisah sedih dan tragis. Kisah-kisah ini membawa insan untuk lebih berwaspada dan berhati-hati dalam menongkah arus melalui denai kehidupan di masa akan datang. Kata pepatah, 'dulu adalah kenangan, kini adalah kehidupan, akan datang adalah harapan.'

Mengakhiri kehidupan

tidak penyelesaian terbaik. Ini kerana ia akan memberi kesan kepada individu yang dekat dengan kita. Agama juga melarang umatnya untuk menamatkan kehidupannya.

Jelasnya, kehidupan yang dilalui sekarang adalah kehidupan realiti yang mesti di jalani dengan sebaik-baiknya. Ia penentu kepada nasib dan hidup kita di masa akan datang. Ia akan terus menjanjikan seribu satu harapan dan persoalan.

Strategi seperti mencari sokongan sosial, mendapat bimbingan, meningkatkan

motivasi, berjumpa kaunselor dapat mengurangkan tekanan hidup. Mencari riadah yang bersesuaian, beribadah juga amat membantu.

Dr harap kehidupan yang adik lalui akan menjadi guru terbaik untuk melangkah dan terus melangkah tanpa rasa putus asa akan kehidupan. Setiap ujian dan dugaan akan sentiasa hadir di setiap detik. Apa yang lebih penting ialah untuk bangun dan bangkit melawan segala dugaan dan kegagalan.